

18 FEB 2002

Croatia-Presiden

BANYAK BIDANG BERPOTENSI BAGI KERJASAMA CROATIA-MALAYSIA

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Presiden Croatia yang sedang dalam rangka lawatan ke sini Stjepan Mesic berkata terdapat banyak bidang yang berpotensi bagi Croatia dan Malaysia untuk bekerjasama dan meningkatkan lagi hubungan mereka.

Kerjasama itu bukan hanya terhad kepada bidang ekonomi malah bidang-bidang lain seperti kebudayaan dan sukan, katanya kepada Bernama menerusi seorang jurubahasa dalam satu temu bual eksklusif di sini hari ini.

Mesic berkata perkara itu dapat dilakukan kerana Croatia dan Malaysia tidak mempunyai sebarang isu politik tertangguh.

Croatia amat berminat untuk menjalin hubungan lebih erat dengan negara-negara di luar Eropah seperti Malaysia, kata Mesic.

"Saya percaya hubungan dan kerjasama kita boleh dibangunkan dengan lebih meluas melibatkan dua rantau Eropah dan Asia dan kedua-dua negara kita. Jadi, saya fikir kita mempunyai tugas untuk menjadi perintis dalam mewujudkan dan membangunkan itu," katanya.

Mesic, 68, yang merupakan ketua negara Croatia yang pertama melawat Malaysia, tiba di sini semalam bagi lawatan negara lima hari, diiringi delegasi 20 anggota.

Menurut Presiden Mesic, ekonomi Croatia dan Malaysia adalah sesuai dan dengan itu kedua-dua negara boleh bekerjasama dalam pertanian, industri farmaseutikal, sektor pemprosesan dan beberapa industri lain.

"Sebab itu kenapa saya membawa sekumpulan ahli perniagaan yang saya percaya dapat mencari pelbagai peluang bagi kerjasama dengan rakan mereka dari Malaysia," katanya.

Croatia boleh menjadi pintu masuk bagi produk Malaysia ke pasaran yang lebih luas di Eropah dan Malaysia pula merupakan lokasi yang strategik bagi produk Croatia di bahagian rantau ini, katanya.

Mesic berkata negaranya merupakan sebuah negara yang muda tetapi mempunyai banyak sejarah dan berminat untuk mencontohi kejayaan Malaysia terutama dalam bidang ekonomi dan kestabilan politik.

"Malaysia sentiasa menjadi contoh kepada Croatia mengenai bagaimana untuk mencapai kejayaan. Ini merupakan satu lagi sebab kenapa Malaysia penting kepada Croatia," katanya.

Mesic turut melahirkan penghargaannya kepada Malaysia kerana menjadi antara negara terawal yang mengiktiraf Croatia selepas ia mengisytiharkan kemerdekaan daripada bekas Yugoslavia pada 1991.

"Ia merupakan sesuatu yang pastinya tidak akan dilupakan oleh Croatia," kata presiden itu.

Menyifatkan hubungan antara Croatia dan Malaysia sekarang sebagai "amat mesra", Mesic berkata perkara itu membolehkan bagi kerjasama dalam banyak bidang.

Menyentuh mengenai globalisasi, Mesic berkata ia mempunyai kesan positif dan negatif terhadap dunia.

"Kami pastinya menyokong pendirian yang membantu menghapuskan kesan negatif. Kerjasama kami dengan rantau ini dan Malaysia pastinya amat kondusif bagi mencapai objektif positif itu," katanya.

Croatia, sebuah negara Roman Katolik mempunyai kira-kira 4.5 juta penduduk, terletak di tengah Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan rasmi ke Croatia pada Disember 1994 dan April 1996 dan kemudiannya Perdana

Menteri Croatia Zlatko Matesa membuat lawatan balas pada Mac 1997.

-- BERNAMA

RV AFY AAM RHM